

**Najib Sempurnakan Pelancaran ESSCOM
Bernama
13 April, 2013**

LAHAD DATU, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyempurnakan pelancaran pusat pemerintahan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) di sini.

Pelancaran simbolik itu berlangsung 12 tengah hari ini di Pangkalan Polis Marin, yang menjadi pusat sementara sebelum ibu pejabat ESSCOM dibina.

Penubuhan ESSCOM diumumkan Najib pada 7 Mac lepas dalam lawatan pertamanya ke daerah Lahad Datu bagi meninjau Operasi Daulat susulan pencerobohan penganas Sulu di daerah itu sejak Februari lepas.

ESSCOM merupakan ejen penguatkuasaan bagi Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE), yang merangkumi 10 daerah sepanjang 1,400 km di pantai timur Sabah, dan diwujudkan bertujuan menjaga kedaulatan dan keselamatan kawasan pantai timur negeri ini ekoran krisis pencerobohan tersebut.

ESSZONE meliputi Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak Semporna dan Tawau.

Perdana Menteri dalam lawatan singkatnya hari ini juga dijadual melawat Felda Sahabat untuk menyampaikan penghargaan kepada pasukan keselamatan yang terlibat dalam Operasi Daulat di Lahad Datu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941726>